

11/08/1999

BN pegang kuat kepada demokrasi

Norazmi Abdul Talib; Rahman Hashim

MELAKA, Selasa - Pembangkang harus berterima kasih kepada Barisan Nasional (BN) kerana mengekalkan sistem demokrasi yang diasaskan parti Perikatan ketika negara mencapai kemerdekaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Melalui sistem demokrasi itulah, kata Perdana Menteri, BN dapat memberi peluang kepada pembangkang untuk bertanding dalam pilihan raya umum.

Sambil menegaskan BN masih berpegang kuat kepada demokrasi dan rela menyerahkan kuasa kepada rakyat setiap lima tahun, Dr Mahathir keadaan itu belum tentu terjamin jika pembangkang memenangi pilihan raya.

"Kalau pembangkang dipilih, apakah mereka akan mengekalkan demokrasi?. Saya tidak percaya mereka akan memberi hak untuk memilih pemimpin.

"Ini kerana pembangkang tidak senang hati dengan sistem demokrasi walaupun ketika mereka tidak memerintah negara ini," katanya menjadi pemimpin dan mendirikan kerajaan," katanya di majlis perhimpunan bersama rakyat di Tangga Batu, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin; Menteri Penerangan Tan Sri Mohd Khalil Yaacob dan Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, pegangan kuat BN terhadap sistem demokrasi juga memberi peluang kepada Pas dan DAP untuk melanggar undang-undang negara.

Katanya, kerajaan sememangnya memberi kebenaran kepada mana-mana parti politik untuk menerbitkan akhbar tetapi khusus untuk ahli saja dan tidak boleh dijual kepada orang ramai.

"Tetapi kita semua tahu, akhbar Harakah yang dipunyai Pas dan Rocket pula dimiliki DAP, disebar luas serta dijual kepada orang ramai. Mereka ini jelas melanggar undang-undang tetapi kita tak ambil tindakan," katanya.

Beliau turut memberi contoh mengenai cadangan Pas untuk mengharamkan akhbar-akhbar yang kini dianggapnya anti-pembangkang jika mereka memerintah negara ini.

"Inilah orangnya yang hendak demokrasi untuk diri mereka tapi apabila memerintah mereka mahu tutup media," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata, usaha Pas menjadikan ulama sebagai orang paling layak menjadi pemimpin cuba menyekat kuasa rakyat untuk mencari pemimpin yang bukan daripada golongan itu.

"Sistem demokrasi tidak menghadkan kepimpinan kepada mana-mana golongan, sebaliknya sesiapa saja boleh bertanding dalam pilihan raya. Ini bererti orang ramai sama ada rakyat biasa ataupun ulama, masih boleh menjadi pemimpin dan mendirikan kerajaan," katanya.

Beliau berkata, BN tidak bersetuju dengan langkah Pas itu kerana apabila seseorang ulama sudah terbabit dalam politik, tidak dapat tidak, mereka akan cuba menyesuaikan segala ajaran dan tafsiran agama dengan fahaman politik mereka.

Sebagai contoh, katanya, ketika ahli Pas seumur hidup, Datuk Shahnon Ahmad menghasilkan buku SHIT yang mengandungi pelbagai kata-kata jujuk dan lucah, ramai pemimpin Pas mempertahankan tindakannya.

Malah, katanya, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat sendiri mempertahankan tulisan Shahnon dengan berkata Tuhan juga mencarut.

"Kita dapati ramai pemimpin Pas mempertahankan Shahnon dan menghina Tuhan dengan berkata Tuhan juga berkata `tahi' sedangkan kita tahu ia tidak benar sama sekali.

"Demikian jugalah apabila ulama memimpin parti politik, sudah tentu mereka akan membuat tafsiran salah terhadap ajaran Islam," katanya.  
(END)